

## Press Clipping

Client: Port Klang Free Zone

Publication: Utusan Malaysia – B&W  
Ekonomi, 4 Julai 2006 (1 of 1)

Date: July 4, 2006

# Lembaga pengarah awasi Port Klang Free Zone

PELABUHAN KLANG 3 Julai – Port Klang Free Zone Sdn. Bhd., syarikat yang diberikan kepercayaan untuk mengendali dan menguruskan Zon Bebas Pelabuhan Klang di Pulau Indah di sini, akan menubuhkan lembaga pengarahnya sendiri untuk memacu pembangunan projek itu ke tahap lebih tinggi.

Cadangan melantik pengarah bagi syarikat itu telah dikemukakan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), pemilik projek Zon Bebas Pelabuhan Klang, kepada Kementerian Pengangkutan.

Pengerusi LPK, Datuk Yap Pian Hon memberitahu Bernama, terpujanglah kepada Menteri Pengangkutan untuk membuat keputusan mengenai komposisi lembaga syarikat itu dan mereka yang menganggotainya.

### Mencadangkan

Beliau berkata, LPK telah mencadangkan satu senarai calon bagi jawatan-jawatan pengarah itu.

Mereka mungkin termasuk wakil-wakil dari kementerian-kementerian berkaitan, kata Yap.

"Siapa yang akan menjadi pengarah, termasuk pengerusinya, terletak pada tangan menteri sekarang," katanya.

Yap berkata, lembaga pengarah itu akan mengeluarkan arahan dan memberi nasihat kepada pengurusan Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. sekarang untuk memajukan projek itu selanjutnya.

Pada masa ini, pasukan pengurusan Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. diketuai oleh Pengarah Urusannya, Noel Gulliver.

Gulliver, yang mempunyai pengalaman selama kira-kira 30 tahun dalam perniagaan logistik, telah memegang jawatan pengurusan kanan dan di peringkat serantau bagi syarikat-syarikat multinasional seperti CF/Emery Worldwide, Maersk Logistics, Roadway, Schenker dan Jardine Logistics.

Zon Bebas Pelabuhan Klang, sebuah pusat pengedaran dan penghimpunan kargo antarabangsa seluas 405 hektar yang terletak berhampiran Pelabuhan Barat, direka bentuk dan dipasarkan oleh Jebel Ali Free Zone Authority International (JAFZA), yang mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun dalam pengurusan pelabuhan dan zon bebas.

JAFZA International juga bertindak sebagai perunding bagi projek Zon Bebas pelabuhan Klang.

Kata Yap, Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. kini bekerjasama dengan JAFZA untuk memperkenalkan zon bebas itu.

Beliau berkata, Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. mungkin akan membayar sendiri bagi perkhidmatan JAFZA pada masa akan datang setelah syarikat itu boleh berdikari dari segi kewangan.

Buat masa ini, LPK membayar bagi perkhidmatan JAFZA itu, katanya.

– Bernama